

# Perhimpunan bantah kekejaman diteruskan

BH-30/7/2006

**L**ABUAN: Pemuda Umno akan terus menganjurkan perhimpunan aman dalam skala lebih besar termasuk ke peringkat negeri bagi menyuarakan bantahan dan kemarahan rakyat negara ini terhadap kekejaman rejim Israel yang dilihat semakin rakus menyerang Lubnan.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata soal sama ada protes itu akan didengar atau diterima oleh masyarakat antarabangsa dan Israel selaku sasaran utama adalah perkara kedua kerana apa yang lebih utama ialah tindakan se-

demikian diteruskan.

Katanya, bantahan itu akan digerakkan dengan pelbagai pihak tanpa mengira fahaman politik, kaum, anutan agama dan latar belakang kehidupan kerana ia adalah persefahaman mutlak ke atas perkara yang dianggap dekat di hati rakyat Malaysia yang hidup aman walaupun dilingkari pelbagai perbezaan.

"Kita mahu membuktikan bahawa Malaysia bergerak atas satu suara dan kepelbagaian latar belakang rakyat negara ini bukan penghalang untuk kita membentuk keharmonian

serta rasa hormat sesama sendiri.

"Apa yang membanggakan ialah Pemuda Umno dan Barisan Nasional (BN) serta pembangkang nampaknya senada dan sehati dalam menentang penindasan Israel... ini adalah suara rakyat Malaysia dan kita akan terus melaungkannya.

"Minggu lalu ada dalam 3,000 hingga 4,000 orang menyertai perhimpunan dan semalam (kelmarin) jumlahnya meningkat kepada kira-kira 10,000 orang yang turut disaksikan (Setiausaha Negara Amerika Syarikat) Condoleeza Rice yang berada di

## FAKTA NOMBOR

Demonstrasi anti-Israel di ibu kota

4,000

Sertai perhimpunan minggu lalu

10,000

Penyertaan bantahan kelmarin

ibu negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis penutup Tilawah al-Quran Kementerian Pelajaran peringkat kebangsaan di sini, semalam.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, nada simpati rakyat Malaysia terhadap mangsa kekejaman Israel kini berubah menjadi kemarahan membuak terhadap rejim pengganas itu yang mendapat sokongan kuasa besar terutama Amerika Syarikat yang dilaporkan menjadi pembekal senjata.